

Cadangan laksana JDA masih pada peringkat perbincangan

BERITA HARIAN 23 JUL 2025 m/c: 3

Anwar tegaskan tiada perjanjian dilaksanakan bersama Indonesia

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan bersama Indonesia untuk melaksanakan perjanjian bagi Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) di Laut Sulawesi, membabitkan blok ND6 dan ND7 hanya di peringkat perbincangan dan masih belum mencapai persetujuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan itu dibangkitkan Indonesia sebelum ini termasuk ketika lawatan beliau ke Jakarta baru-baru ini.

Beliau berkata perbincangan

isu berkenaan akan disambung di Jakarta pada 29 Julai ini, yang akan turut dihadiri Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor.

“Belum ada persetujuan dalam soal Laut Sulawesi ini. Sebab itu rundingan (rasmi) apabila masuk tajuk ini, barulah dibawa (kerajaan) Sabah,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

“Kedudukan Laut Sulawesi belum dimuktamadkan. Pendirian kita muktamad berdasar Triti 2019 dan pendirian Indonesia, tidak setuju.

“Apa pendirian kita? Pilihan ada dua, sama ada bertempur atau berunding dan Malaysia memilih untuk berunding,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee (PN-Beluran).

Pada 27 Jun lalu, Perdana Menteri dan Presiden Prabowo menyatakan komitmen kedua-dua negara untuk mempercepat kerjasama strategik dalam pelbagai bidang, termasuk pembangunan bersama di wilayah sempadan

maritim Malaysia dan Indonesia di blok ND6 dan ND7 secara damai dan saling menguntungkan.

Isu tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Indonesia di kawasan perairan di Laut Sulawesi yang terletak antara Kalimantan Timur, Indonesia dan tenggara Sabah itu, timbul sejak penerbitan peta oleh Malaysia pada 1979.

Perdana Menteri berkata lawatan beliau ke Jakarta itu adalah bersifat santai, sebagai membalas kunjungan Prabowo yang ketika itu, sudah empat kali berkunjung ke Malaysia.

Katanya, tiada sebarang agenda rasmi ditetapkan, termasuk mesyuarat dua hala, namun beliau dan Prabowo tetap berbincang beberapa perkara yang tidak rasmi.

“Dalam mana-mana mesyuarat membabitkan Singapura atau Indonesia, saya selalu mengundang Premier Sarawak dan Ketua Menteri Sabah untuk turut serta dan ini akan berlaku dalam mesyuarat rasmi minggu

depan,” katanya.

Mengenai mengapa Triti Laut Sulawesi pada 2023 tidak diratifikasi, Perdana Menteri menjelaskan, ia belum dimuktamadkan dan rundingan mengenai itu masih diteruskan selain ia tidak membabitkan kawasan yang dipertikaikan di Laut Sulawesi itu.

Katanya perkara yang belum dimuktamad adalah tertakluk kepada *non disclosure agreement* (NDA) yang tidak boleh diumumkan.

Istilah Ambalat tidak tepat

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata istilah Ambang Batas Laut atau ‘Ambalat’ bagi Blok ND6 dan ND7 di Laut Sulawesi yang menjadi pertikaian itu sebagai tidak tepat.

Katanya, ini kerana, Malaysia berpendirian blok ND6 dan ND7 adalah sebahagian dari kawasan kedaulatan Malaysia dan hak kedaulatan negara.

Katanya, ini berdasarkan kepada undang-undang antara-

bangsa yang terhasil selepas keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), pada 2002.

“Rujukan kawasan Ambang Batas Laut atau ‘Ambalat’ digunakan pihak Indonesia. Tuntutan Indonesia meliputi sebahagian Laut Sulawesi termasuk blok N6 dan ND7.

“Dalam hubungan ini, rujukan Ambalat kepada sebahagian blok berkenaan adalah tidak tepat dan mengelirukan,” katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Jonathan Yasin (GRS-Ranau).

Beliau berkata cadangan pembangunan bersama di Laut Sulawesi itu pula belum muktamad sebaliknya adalah usaha awal kedua-dua pemimpin untuk mencari penyelesaian terbaik bagi Malaysia dan Indonesia.

“Usaha ini dilakukan dengan pendekatan, *whole of government* dan penuh komitmen dalam melaksanakan rundingan dengan negara jiran bagi mencari penyelesaian yang dapat dipersetujui kedua-dua pihak,” katanya.